

HABA DAN SUHU

Ana dan rakannya makan di sebuah kedai makan.

Aduh, panasnya!

Bagaimanakah air panas menjadi sejuk?

Tunggulah sekejap supaya air itu sejuk sedikit.

Air menjadi sejuk apabila haba dibebaskan ke persekitaran.

Haba ialah suatu bentuk tenaga yang dipindahkan kerana terdapat perbezaan suhu. Suatu bahan akan menjadi lebih panas apabila menerima haba. Suatu bahan akan menjadi lebih sejuk apabila kehilangan haba.

Bagaimanakah kita mengukur suhu sesuatu bahan?

Suhu ialah **darjah kepanasan atau darjah kesejukan suatu bahan**. Suhu diukur dengan menggunakan termometer. Unit piawai yang digunakan untuk mengukur suhu ialah darjah Celsius. Simbol darjah Celsius ialah °C. Lihat gambar termometer yang berikut.

INFO SAINS

Selain darjah Celsius, kita juga boleh menggunakan darjah Fahrenheit (°F) yang terdapat pada termometer untuk mengukur suhu.

termometer bilik termometer makmal

ISIKAN TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL BERDASARKAN NOTA DI ATAS

1. _____ IALAH SUATU BENTUK _____ YANG
DIPINDAHKAN KERANA TERDAPAT PERBEZAAN _____.
2. SUATU BAHAN AKAN MENJADI _____ PANAS APABILA MENERIMA
_____.
3. SUATU BAHAN AKAN MENJADI LEBIH _____ APABILA
_____ HABA.
4. _____ IALAH _____ KEPANASAN ATAU DARJAH
_____ SUATU BAHAN.
5. SUHU DIUKUR DENGAN MENGGUNAKAN _____.

6. UNIT _____ YANG DIGUNAKAN UNTUK MENGUKUR SUHU

IALAH DARJAH _____.

7. _____ DARJAH CELCIUS IALAH $^{\circ}\text{C}$.

8. SUHU NORMAL BADAN KITA IALAH _____ $^{\circ}\text{C}$.

9. TERDAPAT TERMOMETER _____ DAN _____

MAKMAL.

10. SELAIN DARJAH CELCIUS KITA JUGA BOLEH MENGGUNAKAN DARJAH

_____ $^{\circ}\text{F}$ UNTUK MENGUKUR SUHU.